

# JUR LEX READ

#*BLOCK  
OUT*2024

*WAVE  
EXPRESSION  
OF  
FREEDOM*

**HAFIQ  
HASAN  
BASRI**

ULASAN DRAMA:

***W: TWO  
WORLDS***

*Writes:*

***A JOURNEY OF  
EXPLORATION  
AND GROWTH***



JUU LEX READ

e-ISSN: 2811-3462







# ULASAN DRAMA: **W : TWO WORLDS**

**OLEH: ANIE FARAHIDA OMAR**  
(aniefarahida@uitm.edu.my)

Drama *W Two Worlds* merupakan drama bersiri yang diadaptasi daripada siri drama televisyen Korea Selatan dengan tajuk yang sama. Drama sebanyak 12 episod ini dibintangi oleh para pelakon terkenal seperti Hun Haqem, Daiyan Trisha, Faizal Hussein, Mierul Aiman, Elizabeth Tan dan Tony Eusoff.

## **SINOPSIS**

Drama ini mengisahkan seorang doktor bernama Izara yang terperangkap di dalam dunia webtoon (kartun web) yang dikenali sebagai *W*, hasil ciptaan ayahnya, Omar Yusuf, seorang kartunis web yang tersohor. Di dalam dunia webtoon tersebut, Izara telah berjumpa dengan Aliff Hadi, iaitu watak utama di dalam dunia *W*.

Aliff merupakan seorang atlet penembak tepat dan pernah menjuarai World Sharpshooter Championship 2013. Suatu hari, Aliff pulang ke rumah dan mendapati ayah, ibu dan adik perempuan telah mati ditembak. Malangnya, setelah siasatan dilakukan, Aliff telah ditahan dan didakwa atas tuduhan membunuh ahli keluarganya sendiri. Namun, setelah perbicaraan dijalankan, mahkamah memutuskan Aliff tidak bersalah dan dibebaskan. Hal ini mengundang kemarahan pendakwa raya yang mengetuai perbicaraan tersebut iaitu Musa. Musa percaya Aliff tetap bersalah atas kesalahan membunuh.

10 tahun berlalu, Aliff kini menjadi seorang usahawan media yang kaya dan terkenal. Melalui pengaruh yang dimiliki, Aliff dibantu oleh Izara untuk mencari pembunuh yang meragut nyawa ahli keluarganya. Pelbagai cabaran yang dilalui oleh mereka, dan kemuncak cerita berlaku apabila terdapat 'bukti baru' iaitu rakaman pergaduhan yang menunjukkan Aliff mempunyai motif yang kuat untuk membunuh ahli keluarganya. Hal ini membuatkan Musa merasa gembira kerana telahannya benar. Dengan segera, Musa membuat sidang media dan mengumumkan bahawa Aliff akan didakwa semula berdasarkan penemuan bukti baru tersebut.

SUMBER: VIU MALAYSIA

Persoalannya dari sudut undang-undang, bolehkah Aliff Hadi, yang telah dibebaskan daripada kesalahan membunuh ahli keluarganya, dibicara kembali atas kesalahan yang sama? Jawapannya boleh dilihat melalui prinsip *double jeopardy*.

## DEFINISI PRINSIP DOUBLE JEOPARDY

Sistem perundangan Malaysia secara jelas menjamin perlindungan terhadap hak asasi manusia melalui prinsip *double jeopardy*. Prinsip ini bertujuan untuk melindungi individu daripada dikenakan hukuman berulang kali untuk kesalahan yang sama. Ia merupakan salah satu perlindungan terpenting dalam sistem keadilan jenayah Malaysia dan telah termaktub di bawah perkara 7(2) *Perlembagaan Persekutuan*:

**SESEORANG YANG TELAH DIBEBASKAN DARIPADA SESUATU KESALAHAN ATAU DISABITKAN ATAS SESUATU KESALAHAN TIDAK BOLEH DIBICARAKAN SEMULA KERANA KESALAHAN YANG SAMA KECUALI JIKA SABITAN ATAU PEMBEBASAN ITU TELAH DIBATALKAN DAN PERBICARAAN SEMULA DIPERINTAHKAN OLEH SUATU MAHKAMAH YANG LEBIH ATAS DARIPADA MAHKAMAH YANG TELAH MEMBEBASKAN ATAU MENSABITKANNYA ITU.**

Ia merujuk kepada situasi di mana seseorang individu tidak boleh didakwa atau dibicarakan semula atas kesalahan yang sama selepas dia telah dibicarakan dan diputuskan sama ada bersalah atau tidak bersalah. Ia bertujuan untuk melindungi individu daripada terdedah kepada risiko dan tekanan emosi yang berulang-ulang akibat pendakwaan terhadap kesalahan yang sama. Selain itu, prinsip ini turut disebut di bawah seksyen 302(1) Kanun Prosedur Jenayah yang menyatakan bahawa orang yang telah disabitkan atau dibebaskan tidak boleh dibicarakan semula bagi kesalahan yang sama.

## SKOP PERLINDUNGAN PRINSIP DOUBLE JEOPARDY

Prinsip ini terpakai dalam situasi seperti berikut:

Tiada pendakwaan baru ke atas individu yang telah dibicarakan dan diputuskan bersalah atau tidak bersalah bagi kesalahan yang sama.

Tiada pendakwaan baru ke atas individu yang telah dilepaskan daripada pertuduhan atas kesalahan yang sama.

Tiada pendakwaan baru ke atas individu yang telah dihukum atau dibebaskan atas kesalahan yang sama di mahkamah luar negara.



SUMBER: VIU MALAYSIA



## APAKAH RASIONAL DI SEBALIK PRINSIP DOUBLE JEOPARDY?

Prinsip ini mempunyai beberapa rasional utama yang menjadi asas kepada perlindungan hak seseorang individu, antaranya:

- Prinsip ini bertujuan untuk melindungi individu daripada penindasan atau penyalahgunaan kuasa oleh pihak berkuasa dengan mendakwa semula mereka atas kesalahan yang sama.
- Ia memastikan sistem keadilan jenayah tidak disalahgunakan untuk mengenakan hukuman yang berlebihan ke atas individu.
- Pendakwaan berulang kali ke atas individu boleh memberikan tekanan psikologi yang berpanjangan dan memudaratkan kesejahteraan mental mereka.
- Prinsip ini bertujuan untuk melindungi individu daripada trauma dan kemudatan emosi yang berpanjangan akibat pendakwaan berulang.
- Prinsip ini memastikan sistem perundangan jenayah dapat mengekalkan integriti dan kredibilitinya. Prinsip ini mempromosikan keadilan dan kesamarataan dengan memastikan individu tidak didiskriminasi atau dikenakan hukuman berlebihan.



## PENGECUALIAN KEPADA PRINSIP DOUBLE JEOPARDY

Walau bagaimanapun, terdapat 10 pengecualian di mana prinsip *double jeopardy* tidak terpakai, dan pendakwaan baru/ semula boleh dikenakan ke atas tertuduh, iaitu:

# 1

**Pelepasan:** Seseorang yang dilepaskan tetapi tidak membawa kepada pembebasan boleh terjadi kerana beberapa sebab, contohnya; tiada saksi, kekurangan bahan bukti, pendakwa raya mengambil keputusan bahawa kes tersebut tidak lagi mempunyai kepentingan awam.

**Pembatalan Bicara Kes Terdahulu:** Sesebuah bicara terdahulu boleh dibatalkan dan diarahkan untuk dibicarakan semula oleh mahkamah atasan. Hal ini telah disahkan di dalam kes **Sau Soo Kim v Pendakwa Raya [1975] 2 MLJ 134** dan **Fan Yew Teng v Pendakwa Raya [1975] 2 MLJ 235**.

# 2

# 3

**Kesalahan Yang Berbeza:** Di dalam kes **Jamali Adnan v Pendakwa Raya (1986) 1 MLJ 162**, Jamali telah disabitkan kesalahan di bawah **Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960** kerana melakukan jenayah rompakan bersenjata.

Tidak lama selepas itu, Jamali didakwa pula di bawah akta yang sama bagi kesalahan memiliki peluru revolver. Mahkamah memutuskan bahawa elemen utama bagi kedua-dua kesalahan tersebut adalah berbeza meskipun mengguna pakai fakta kes yang sama. Oleh itu, ia tidak menyebabkan pelanggaran prinsip *double jeopardy*.



**Kesilapan Teknikal:** Di dalam kes *Re Datuk James Wong Kim Min* [1975] 2 MLJ 244, Datuk James Wong, ahli politik Sarawak, telah ditahan di penjara Taiping Perak, di bawah *Ordinan Pemeliharaan Keselamatan Awam 1962* yang pada ketika itu hanya terpakai di negeri Sarawak sahaja.

Oleh itu, mahkamah telah mengeluarkan writ *habeas corpus* dan memerintahkan agar beliau dilepaskan. Namun pembebasan tersebut tidak menghalang seseorang daripada ditahan semula di bawah undang-undang yang lebih sesuai.

4

OOPS!

7

**Tahanan Pencegahan:** Di dalam kes *Pendakwa Raya v Musa* (1970) 1 MLJ 101, mahkamah memutuskan bahawa seseorang yang pernah ditahan di bawah *administrative detention*, *Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960*, tidak terhalang oleh undang-undang untuk ditahan di bawah undang-undang jenayah yang berbeza, meskipun melalui fakta kes yang sama.

5

**Kes Rayuan:** Rayuan yang dibuat oleh pendakwa raya selepas seseorang didapati tidak bersalah di dalam mahkamah terdahulu, tidak dianggap menentang prinsip *double jeopardy*.

**Prosiding Sivil:** Seseorang yang telah didapati bersalah dan telah dihukum di bawah kesalahan jenayah, boleh disaman di bawah tindakan sivil dengan fakta kes yang sama.

6

**Prosiding Tata tertib:** Seseorang yang didapati bersalah, atau tidak bersalah di mahkamah jenayah, masih boleh dibicarakan di dalam prosiding tata tertib. Di dalam kes *Mohamed Yusoff bin Samadi v Peguam Negara* [1975] 1 MLJ 1,

seorang guru sekolah telah didapati bersalah atas kesalahan mencabul kehormatan anak muridnya. Namun, ia tidaklah melanggar prinsip *double jeopardy* apabila Mohamed Yusoff telah dibicarakan di prosiding tata tertib dan seterusnya dipecat kerana perbuatannya itu telah mencemar profesionnya sebagai seorang guru.

8

OMG!



Prosiding Yang Pelbagai: Di dalam kes *Teh Cheng Poh v Pendakwa Raya* [1979] 1 MLJ 50, mahkamah memutuskan bahawa seseorang yang dibicarakan di prosiding yang berbeza secara serentak, tidak dianggap mencerooboh hak asasi manusia. Hal ini kerana, hak asasi ini hanya terjamin setelah seseorang itu telah didapati bersalah atau sebaliknya.

9

10


#### Perbicaraan Semula:

Berdasarkan kes *Pendakwa Raya v Khai Chin* [1979] 1 MLJ 112, mahkamah yang mempunyai bidang kuasa rayuan mempunyai kuasa untuk mengarah agar perbicaraan semula dilakukan.



SUMBER: VIU MALAYSIA

## BOLEHKAH ALIFF HADI DIBICARAKAN SEMULA SELEPAS PENEMUAN 'BUKTI BARU'



Berdasarkan penjelasan di atas, penulis percaya Aliff Hadi tidak boleh dibicarakan semula kerana tiada pengecualian yang terpakai di dalam kes Aliff. Malah, faktor masa yang terlalu jauh menyebabkan kemungkinan mahkamah atasan akan menolak permohonan agar perbicaraan semula dilakukan. Tambahan lagi, bukti yang ditemui oleh pendakwa raya Musa adalah merupakan bukti palsu yang lemah (hanya sekadar rakaman pergaduhan) dan direka untuk memerangkap Aliff.

K

## ESIMPULAN

Prinsip *double jeopardy* merupakan salah satu jaminan yang amat penting dalam sistem keadilan jenayah di Malaysia. Ia bertujuan untuk melindungi hak asasi individu daripada penindasan dan kemudaratan psikologi akibat pendakwaan berulang. Pelaksanaan prinsip ini di Malaysia telah diperuntukkan secara jelas dalam Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang jenayah negara. Namun, terdapat pengecualian tertentu di mana individu boleh didakwa semula atas kesalahan yang sama. Secara keseluruhannya, prinsip ini merupakan salah satu tiang seri dalam menjamin keadilan dan kesaksamaan dalam sistem perundangan Malaysia.